



**MESYUARAT PERINGKAT MENTERI KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN  
SOSIAL ASEAN (AMMSWD) KE-9 DAN MESYUARAT AMMSWD+3 KE-5,  
JAKARTA, INDONESIA**

**29 - 30 SEPTEMBER 2016**

**SEPANG, 28 SEPTEMBER 2016** - YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berangkat ke Jakarta, Indonesia hari ini bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Kebajikan dan Pembangunan Sosial ASEAN (AMMSWD) Ke-9 dan Mesyuarat AMMSWD+3 Ke-5 yang akan berlangsung dari 29 hingga 30 September 2016. Tema mesyuarat pada kali ini adalah "*Strengthening Social Welfare Development in Pursuing ASEAN Community Vision 2025*".

Mesyuarat AMMSWD ke-9 diadakan bertujuan menyelia semua aktiviti yang telah dirancang bagi kerjasama ASEAN mengenai kebajikan sosial dan pembangunan di bawah bidang kuasa SOMSWD dan *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)* manakala Mesyuarat AMMSWD+3 memberi fokus kepada sesi perkongsian pengalaman dan pandangan daripada semua negara anggota ASEAN dan negara-negara '*Plus Three*' iaitu China, Jepun dan Republik Korea.

Kedua-dua mesyuarat ini mengumpulkan kesemua Menteri yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan pembangunan sosial di setiap negara anggota ASEAN.

Terdahulu, Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) Ke-12 dan Mesyuarat SOMSWD+3 Ke-11 telah diadakan dari 26 hingga 28 September 2016 yang dihadiri oleh YBrs. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

#####

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
03-8323 1087 / 03-8323 1088  
[info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)